

# Pengurusan universiti hanya beri alasan kekurangan peruntukan

**Kuala Lumpur:** Pensyarah yang menjadi 'mangsa' akibat diberhentikan atau ditamatkan kontrak kerana masalah kekangan bajet meluahkan rasa kecewa dengan keputusan berkenaan yang dianggap tidak adil kepada mereka.

Bekas pensyarah kontrak bidang pengurusan sebuah universiti awam (UA) yang enggan dikenali berkata, pengurusan universiti hanya memberikan alasan kekurangan peruntukan untuk menamatkan kontrak.

Beliau yang mempunyai pengalaman 24 tahun menjadi pensyarah menyifatkan keputusan dibuat pengurusan universiti itu tidak adil kerana gagal mengenal pasti punca sebenar kekurangan peruntukkan terbabit, sebaliknya mengambil jalan mudah memberhentikan kakitangannya.

"Sepatutnya kontrak saya tamat

pada Disember 2016, tetapi pengurusan universiti memberhentikan saya enam bulan lebih awal iaitu pada Julai 2016.

"Saya amat terkilan diberhentikan dengan cara begitu, sekali gus menyebabkan pendapatan bulanan terjejas teruk kerana banyak komitmen perlu ditanggung," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

## **Bukan jalan penyelesaian**

Katanya, tindakan memberhentikan kakitangan bukan jalan penyelesaian utama, sebaliknya pihak pengurusan harus mengambil kira aspek lain termasuk pembaziran dalam penggunaan semua fasiliti di universiti.

"Tindakan dibuat universiti ini menunjukkan penghargaan kepada pensyarah kontrak seolah-olah tidak diambil kira sedangkan kami adalah golongan senior dalam universiti," katanya.

Seorang bekas pensyarah Pendidikan yang enggan dikenali pula mengambil keputusan berhenti pada Januari 2016 selepas tekanan dengan bebanan kerja, namun gaji masih pada takuk lama.

"Skop kerja dan tanggungjawab pula semakin bertambah, selain dituntut memenuhi pelbagai tugas sampingan, namun ia tidak diseimbangkan dengan gaji diperolehi."

"Ramai rakan (pensyarah) yang lain turut mengambil keputusan sama (berhenti) kerana sudah penat menunggu sejak sekian lama berhubung skim gaji pensyarah yang tidak dikaji sehingga kini," katanya yang sudah menjawat jawatan itu sejak 20 tahun lalu.

Katanya, peluang kenaikan pangkat juga tipis sehingga menyebabkan beliau mengambil keputusan berhenti dan menyambung kerjaya sama di universiti swasta.

"Ramai pensyarah berpengalaman dan disenangi pelajar berhenti kerana tidak dinaikkan pangkat disebabkan kekangan kewangan dan bebanan kerja yang bertambah," katanya.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali berkata, beliau tidak mengetahui mengenai pemberhentian pensyarah seperti dilaporkan *BH*.

Katanya, pengambilan pensyarah secara kontrak berdasarkan keperluan nilai strategik dan kesarjanaan mengikut permintaan semasa.

"Jumlah pengambilan pelajar mengambil kira nisbah antara pelajar dan pensyarah.

"Piawaian perlu dipatuhi tiada kena mengena dengan keputusan mengambil pensyarah secara kontrak," katanya



**"Pengambilan pensyarah secara kontrak berdasarkan keperluan nilai strategik dan kesarjanaan mengikut permintaan semasa"**

**Prof Datuk Seri Dr Noor Azlan Ghazali,**  
Naib Canselor Universiti  
Kebangsaan Malaysia